



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000  
Faks: 03 – 8891 5557  
Laman Web: [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel: [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter: [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook: [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.48 (22)  
Tarikh : 15 April 2018

## SIARAN MEDIA

### MAJLIS PELANCARAN PROGRAM TRANSFORMASI SOSIAL (PTS) & PERASMIAN PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR) DENGKIL, SELANGOR

Dengkil, 15 April 2018 – YBM Tan Sri Haji Noh Bin Haji Omar, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan menyempurnakan Pelancaran Program Transformasi Sosial (PTS) Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) Kejiranan Indah dan Perasmian Projek Perumahan Rakyat (PPR) Dengkil, Selangor pada hari ini.

PTS dilaksanakan dengan kolaborasi Jabatan-Jabatan di bawah KPKT dan agensi di Kementerian lain. Antaranya Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), PlanMalaysia, Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), *Solid Waste Management and Public Cleansing Corporation* (SWCorp), Jabatan Landskap Negara (JLN), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) serta Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri.

Program Transformasi Sosial (PTS) yang antaranya bertujuan mewujudkan kejiranan indah yang mampan dengan penglibatan masyarakat setempat merangkumi program-program berikut :

- I. **Program MyBOMBA JPP / Bomba Komuniti** untuk memupuk kesedaran keselamatan kebakaran dan sebagai penyampai maklumat kecemasan kepada JBPM.
- II. **Program Bandar Selamat** untuk mengurangkan jenayah melalui aktiviti *omnipresence* dan rondaan keselamatan oleh PDRM dan AMANITA. AMANITA (anggota polis wanita) menarik suri rumah sebagai Rakan AMANITA untuk menjadi 'mata dan telinga' bagi pihak polis untuk menyalurkan maklumat kes jenayah yang berlaku.
- III. Program ***Communication for Behavioural Impact (COMBI)*** atau **Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku** adalah bertujuan untuk melibatkan masyarakat setempat dalam aktiviti-aktiviti pencegahan penyakit berjangkit khususnya demam denggi.

- IV. **Komuniti Kitar Semula** (*reduce, reuse dan recycle*) melalui peraturan pengasingan sisa pepejal untuk mewujudkan sebuah pengurusan sisa pepejal yang mampan.
- V. **Program Rakan Taman** untuk memupuk semangat kesukarelawanan dan dijadikan amalan menjaga, memelihara, menyelenggara dan mengawasi taman yang telah dinaik taraf.

Bagi projek PPR Dengkil, Kerajaan telah meluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM78 juta bagi pembinaan 400 unit rumah pangsa termasuk kemudahan seperti surau, dewan komuniti, tadika dan taska serta kedai dan gerai. Kos bagi membina satu unit rumah PPR ini adalah sebanyak RM195,000.00 dan akan dijual hanya dengan harga RM35,000.00 iaitu dengan subsidi sebanyak RM160,000.00 per unit khas untuk rakyat Dengkil.

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu PLANMalaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)